

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

FOREIGN CURRENCY TERM DEPOSIT-i



Please read and understand this Product Disclosure Sheet ("PDS") before you decide to take up the Foreign Currency Term Deposit-i. Be sure to also read and understand the terms and conditions. You are hereby reminded to always seek and obtain your own independent legal advice. Kindly seek clarification from AmBank Islamic Berhad's authorised representatives if you do not understand any part of this document or the general terms stated herein.

AmBank Islamic Berhad

Foreign Currency Term Deposit-i ("FCTD-i")

Effective Date: 30 September 2025

Protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor

1. What is this product about?

Foreign Currency Term Deposit-i ("FCTD-i") is a Shariah-compliant term deposit denominated in foreign currencies based on the Shariah contract of Commodity Murabahah (Tawarruq).

It consists of two sale and purchase contracts where the first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis and subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.

The product offer refers to a deposit product that pays a fixed profit rate at a given maturity date.

2. What is the Shariah contract applicable?

- The Shariah contract applicable is *Commodity Murabahah* via *Tawarruq* arrangement. *Tawarruq* refers to tri-partite arrangement on purchasing and selling of commodity. It consists of two sale and purchase contracts where the first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis and subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.
- Shariah contracts of *Murabahah* and *Wakalah* are also applied in this arrangement.
- Murabahah* (Cost plus Mark-up Contract) refers to a sale and purchase of an asset where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.
- Wakalah* (Agency Contract) refers to a contract in which a party mandates another party as his agent to perform a particular task in matters that may be delegated with or without imposition of fee. Under the *Wakalah* contract, the Customer appoints AmBank Islamic ('the Bank') as agent to purchase and sell the Shariah compliant commodities at specified time on behalf of the Customer. The Customer will appoint the Bank to purchase the commodity on his/her behalf and thereafter sell the commodity to the Bank (whereby the Bank is acting as the Customer's agent) at the Selling Price.
- Bai' Sarf* (Foreign Currency Exchange) refers to a contract of exchange of money for money of the same or different type.

How the arrangement works?

- Upon account opening, you appoint the Bank as your agent to purchase Shariah-compliant commodity ("Commodity") from any third party and to sell the Commodity to the Bank.
- The Bank acts as an agent will purchase Commodity on your behalf upon receipt of the purchase price which is equivalent to the amount deposited with the Bank. You are entitled to request and take physical delivery of the Commodity at your own cost and expenses.
- The Bank will thereafter on its own capacity purchase the Commodity from you at the sale price on *Murabahah* comprising purchase price and profit ("Selling Price") which shall be paid to you upon maturity of the term deposit.
- The Bank may thereafter sell the Commodity to a third party.

- The sale and purchase contracts in the *Tawarruq* arrangement will be executed upon initial placement as well as during deposit renewals.

3. What do I get from this product?

- Minimum initial deposit amount:
 - Individual : RM10,000 equivalent.
 - Non Individual : RM50,000 equivalent.
- Tenure:
 - Daily (Min : 2 days, Max : 365 days)
 - Monthly (Min : 1 month, Max : 12 month)
- Type of asset used in this product: Shariah-compliant commodity traded in a platform approved by the Bank.
- Currency available : AUD, CAD, EUR, GBP, HKD, NZD, SGD, USD, JPY, RMB or any other currency approved by the Bank

- Selling Price
Calculation of profit
 $\text{Profit} = P \times R \times t / 365 \text{ or } 366 \text{ or } 360$

Where:

P = Purchase Price (Deposit Amount)

R = Profit Rate

t = Number of days based on completed months or days

Calculation of Selling Price

Selling Price = Purchase Price + Profit (total profit for the whole placement tenure)

Illustration:

Purchase Price (Deposit Amount)	AUD 100,000
Profit Rate	3.50% p.a.
Tenure	3 months
No. of Days	91
Placement Date	01/04/2019
Maturity Date	01/07/2019
Profit	AUD 872.60
<i>Selling Price</i>	AUD 100,872.60

Profit payment: Profit is payable upon maturity.

4. What are the other key terms and conditions of this product that I should know?

- Early withdrawal

Effective Tuesday, 1 January 2019 onwards, all placements which are withdrawn before maturity will have **NO profit payable**.

You agree to provide full *ibra'* (rebate) on the profit to the Bank upon early withdrawal.

- Auto renewal

The Bank will automatically renew all deposits not withdrawn on the maturity date under the same tenure at prevailing Profit Rate except for Treasury Customers.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

Ad-hoc statement request: RM5.00 per request.

6. What are the risks involved?

You are advised to carefully consider all risk factors before making a placement.

7. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. For assistance, you may :

- Contact our Contact Centre at 03-2178 8888, operational daily from 7.00 a.m. – 11.00 p.m.
- Visit our nearest branch

8. Who should I contact for further information or to lodge a complaint?

- If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:

AmBank Islamic Berhad
Contact Centre – One Stop Resolution
Level 18, Menara AmBank
No. 8, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2178 8888
Email: customercare@ambankgroup.com

- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Bank Negara Malaysia,
P.O. Box 10922,
50929 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
Website: bnmlink.bnm.gov.my

9. Other AmBank Islamic Term Deposit products available:

- Term Deposit-i
- Afdhal Term Deposit-i
- AmTDPlus-i
- AmQuantum Term Deposit-i
- Advance Profit Account-i

The PDS for these products are available at <https://www.ambank.com.my/contact-centre/pds>

The information provided in this PDS is valid from 30 September 2025 until the next update. Kindly visit www.ambankgroup.com for the latest information.

I/ We duly acknowledge that the key contract terms and my/ our financial obligations under this financial product had been adequately explained to me by the authorised representative of AmBank Islamic Berhad.

.....
Name:
NRIC:
Date:

Or

For and on behalf,

.....
(Authorised signatory/ Director)
Name :
Registration No.:
Date:

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)
A member of the AmBank Group
A PIDM member

PDS/FCTD-i/FTFC V2-2025

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

DEPOSIT BERTEMPOH MATA WANG ASING-I



Sila baca Lembaran Penyataan Produk ("PDS") ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih produk Deposit Bertempoh Mata Wang Asing-i. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat. Anda juga diingatkan untuk mencari dan mendapatkan nasihat undang-undang bebas sendiri. Mohon penjelasan daripada wakil AmBank Islamic Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat umum yang dinyatakan di sini.

AmBank Islamic Berhad

Deposit Bertempoh Mata Wang Asing-i

Tarikh Kuat Kuasa : 30 September 2025

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

1. Apakah produk ini?

Deposit Bertempoh Mata Wang Asing-i merupakan deposit bertempoh patuh Syariah dalam mata wang asing yang berdasarkan kontrak Syariah *Komoditi Murabahah (Tawaruq)*.

Ia terdiri daripada dua kontrak jualan dan pembelian di mana yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertunda dan seterusnya, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga dengan tunai dan secara lani..

Tawaran produk merujuk kepada produk deposit yang membayar kadar keuntungan tetap pada tarikh matang tertentu.

2. Apakah kontrak Syariah yang diguna pakai?

- Kontrak Syariah yang diguna pakai ialah *Komoditi Murabahah melalui Aturan Tawarruq*. *Tawarruq* merujuk kepada aturan penjualan dan pembelian komoditi yang melibatkan tiga pihak. Ia terdiri daripada dua kontrak jualan dan pembelian di mana yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertunda dan seterusnya, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai.
- Kontrak Syariah *Murabahah* dan *Wakalah* juga diguna pakai dalam aturan ini.
- Murabahah* (Kontrak Kos Tambah Keuntungan) merujuk kepada jual beli aset di mana kos pembelian dan keuntungan didedahkan kepada pembeli.
- Wakalah* (Kontrak Agensi) merujuk kepada kontrak di mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal yang boleh diwakilkan dengan mengenakan bayaran atau tidak. Di bawah kontrak *Wakalah*, Pelanggan melantik AmBank Islamic ("Bank") sebagai ejen untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah pada masa yang ditetapkan bagi pihak Pelanggan. Pelanggan akan melantik Bank untuk membeli komoditi bagi pihaknya dan selepas itu menjual komoditi kepada Bank (dimana Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan) pada Harga Jualan.
- Bai' Sarf (Pertukaran Mata Wang Asing) merujuk kepada kontrak di mana pertukaran wang untuk wang jenis yang sama atau berbeza

Bagaimana aturan ini berfungsi?

- Setelah membuka akaun, anda melantik pihak Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi patuh Syariah ("Komoditi") daripada mana-mana pihak ketiga dan untuk menjual Komoditi itu kepada Bank.
 - Bank yang bertindak sebagai ejen akan membeli Komoditi bagi pihak anda setelah menerima harga belian yang bersamaan dengan jumlah yang didepositkan dengan Bank. Anda mempunyai hak untuk memohon dan mengambil pemilikan fizikal Komoditi pada kos dan perbelanjaan anda sendiri.
 - Selepas itu, Bank atas kapasiti sendiri membeli Komoditi daripada anda pada harga jualan berdasarkan *Murabahah* yang terdiri daripada harga pembelian dan keuntungan ("Harga Jualan") yang akan dibayar kepada anda pada tempoh matang deposit bertempoh.
 - Selepas itu, Bank boleh menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.
- Kontrak jualan dan pembelian dalam aturan *Tawaruq* akan dilaksanakan semasa penempatan awal deposit dan juga semasa pembaharuan deposit.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Deposit minimum:
 - Individu : bersamaan RM10,000
 - Bukan Individu : bersamaan RM50,000.
- Tempoh:
 - Harian (Minimum : 2 hari, Maksimum : 365 hari)
 - Bulanan (Minimum : 1 bulan, Maksimum : 12 bulan)
- Jenis aset yang digunakan dalam produk ini: komoditi patuh Syariah yang didagangkan di platform yang diluluskan oleh Bank.
- Mata Wang yang tersedia : AUD, CAD, EUR, GBP, HKD, NZD, SGD, USD, JPY, RMB atau mana-mana mata wang lain yang diluluskan oleh Bank

- Harga Jualan
Pengiraan keuntungan
Keuntungan = $P \times R \times t/365$ atau 366 atau 360

Yang mana:

P = Harga Belian (Amaun Deposit)

R = Kadar Keuntungan

t = Bilangan hari berdasarkan bulan atau hari yang lengkap

Pengiraan Harga Jualan

Harga Jualan = Harga Belian + Keuntungan (jumlah keuntungan bagi keseluruhan tempoh deposit)

- Ilustrasi:

Harga Belian (Amaun Deposit)	AUD 100,000
Kadar Keuntungan	3.50% setahun
Tempoh	3 bulan
Bilangan Hari	91
Tarikh Deposit	01/04/2019
Tarikh Matang	01/07/2019
Keuntungan	AUD 872.60
Harga Jualan	AUD 100,872.60

Pembayaran keuntungan: Keuntungan dibayar pada tarikh matang

4. Apakah terma dan syarat utama lain mengenai produk ini yang harus saya ketahui?

- Pengeluaran awal
Berkuatkuasa Selasa, 1 Januari 2019 dan seterusnya, sebarang penempatan Deposit Bertempoh-i yang ditarik balik sebelum tempoh matang, **TIDAK akan menerima keuntungan**.

Anda bersetuju untuk memberikan *ibra'* (rebat) penuh atas keuntungan kepada Bank apabila berlaku pengeluaran awal.

- Pembaharuan secara automatik

Bank akan memperbaharui kesemua deposit yang tidak dikeluarkan pada tarikh matang secara automatik di bawah tempoh yang sama pada Kadar Keuntungan semasa kecuali untuk pelanggan Perbendaharaan

5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

- Permohonan penyata ad-hoc: RM5.00 setiap permintaan

6. Apakah risiko yang terlibat?

Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko sebelum membuat keputusan deposit.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran peribadi bagi memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mendapatkan sebarang bantuan, anda boleh:

- Hubungi Pusat Panggilan kami di 03-2178 8888, beroperasi setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam.
- Lawati cawangan kami yang terdekat

8. Siapa yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Islamic Berhad
Pusat Panggilan – Penyelesaian Sehenti
Tingkat 18, Menara AmBank
No. 8, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2178 8888
E-mel: customercare@ambankgroup.com

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK melalui:

Bank Negara Malaysia,
P.O Box 10922
50929 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
Laman Web: bnmlink.bnm.gov.my

9. Produk Deposit Bertempoh AmBank Islamic lain yang tersedia:

- Deposit Bertempoh-i
- Deposit Bertempoh-i Afdhal
- AmTDPlus-i
- Deposit Bertempoh-i AmQuantum
- Akaun Keuntungan Pendahuluan-i

PDS untuk produk ini boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/contact-centre/pds>

Maklumat yang disediakan dalam PDS ini adalah sah dari 30 September 2025 sehingga kemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini

Saya/ Kami dengan sewajarnya mengakui bahawa syarat-syarat kontrak utama dan tanggungjawab kewangan saya/ kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

.....
 Nama:
 No. Kad Pengenalan:
 Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak

.....
 (Penandatangan / Pengarah yang diberi kuasa)
 Nama:
 No. Pendaftaran:
 Tarikh:

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)
Ahli Kumpulan AmBank
Ahli PIDM

PDS/FCTD-i/FTFC V2-2025